

DOKTOR JUAL TELEFON

■ Bekas pegawai perubatan tak menyesal berhenti kerja tukar kerjaya



MUHAMMAD Farhan tidak menyesal meninggalkan kerjaya sebagai doktor. Gambar kecil, kad pegawai perubatan milik Muhammad Farhan.

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com
Kuala Lumpur

“Bosan dengan persepsi negatif masyarakat terhadap doktor, jadi penyebab saya ambil keputusan nekad berhenti sebagai pegawai perubatan,” kata Muhammad Farhan Mohamad Nor, 27.

Muhammad Farhan adalah bekas doktor di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HS-HAS), Pahang dan kini memilih kerjaya sebagai peniaga menjual telefon bimbit serta aksesori sejak menamatkan perkhidmatan itu pada awal Disember ini.

Kisah graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu

mendapat perhatian umum selepas menjadi viral di laman sosial sejak kelmarin dan mendapat pelbagai reaksi masyarakat yang menyokong tindakannya dan tidak kurang yang mencemooh dirinya.

Menurutnya, dia tidak pernah menyesal dengan keputusan itu dan menganggap ia takdir Allah SWT yang sudah tersurat menjadi doktor untuk untuk tempoh lima tahun saja.

“Saya pilih kerjaya ini (jual telefon bimbit dan aksesori) kerana minat berniaga sejak dari kecil dan bergelar doktor sebelum ini kerana rana memenuhi hasrat ibu bapanya yang menginginkan seorang daripada empat anaknya menjadi pegawai

perubatan.

“Keputusan saya untuk berhenti juga mendapat tanggapan keluarga pada peringkat awal, namun akhirnya mereka akur dengan keputusan ini dan menyokong tindakan saya berniaga,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Katanya, pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuhi, termasuk berhadapan pandangan sinis masyarakat melihatnya berniaga di kaki lima, pasar malam, ekspo dan jualan bonet kereta di beberapa lokasi di sekitar Temerloh, Pahang.

Anak sulung daripada empat beradik itu berkata, dia juga pernah melalui episod menye-



FAKTA
Muhammad Farhan jadi doktor penuhi hasrat ibu bapa

MUHAMMAD Farhan tidak segan berniaga di kaki lima.

dihkan dihalau pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana berniaga di kaki lima.

Menurutnya, perkara berkenaan tidak pernah melemahkan semangatnya, tetapi dijadikan batu loncatan untuk lebih berjaya.

Katanya, dia sudah boleh menarik nafas lega apabila berjaya membuka kedai sendiri di Paya Pulai iaitu berdekatan HSHAS menggunakan modal RM20,000 sejak Jun lalu.

“Wang ini hasil simpanan ketika berniaga secara kecil-kecilan dan juga sumbangan ibu bapa.

“Saya mula dikenali ramai selepas jualan bonet kereta di Lurah Semantan pada Mac lalu,” katanya yang dilahirkan di Kajang, Selangor.

Muhammad Farhan berkata, kemahiran membaiki telefon bimbit dipelajari secara tidak formal menerusi bacaan buku dan YouTube yang dipengaruhi minat yang mendalam terhadap gajet terbaru.

Katanya, keistimewaan yang ditawarkan di kedainya ialah jaminan harga aksesori telefon bimbit yang lebih rendah antara 50 hingga 70 peratus berbanding di pasaran.

“Saya jual murah kerana ti-

dad mahu membebaskan pelanggan dan tidak kisah dapat keuntungan yang rendah, asalkan pelanggan gembira dapat barang yang mereka inginkan pada harga berpatutan serta berkualiti.

“Saya juga mementingkan keberkatan dalam rezeki perniagaan ini yang perlu dikongsi dengan orang lain (pelanggan),” katanya.

Dalam pada itu, dia turut menasihati belia supaya tidak memilih pekerjaan kerana lebih penting mempunyai ilmu pengetahuan yang akan dipraktikkan dalam bidang yang baru diceburi untuk lebih berjaya.



KEDAI milik Muhammad Farhan dinamakan DR FONE di Paya Pulai, Temerloh.